

## FLEKSIBILITI MAZHAB AL-SYAFIE DALAM MENDEPANI

### ISU-ISU BAHARU

MOHD ROFAIZAL IBHRAIM

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Bangi, Selangor

[mohdrofaizal@kuis.edu.my](mailto:mohdrofaizal@kuis.edu.my)

ISMAIL BIN OMAR

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Bangi, Selangor

[ismailomar@kuis.edu.my](mailto:ismailomar@kuis.edu.my)

### ABSTRAK

*Fleksibiliti yang ada menurut kaedah pendalilan mazhab al-Syafie perlukan kajian yang terperinci untuk mengelak pertembungan di antara pandangan mazhab yang bersifat tradisional sepertimana yang terdapat dalam kitab-kitab mazhab Shafi'i dengan realiti hidup baru di bawah semangat modenisasi yang semakin berkembang. Kajian ini merupakan kajian diskriptif yang bertujuan untuk mengkaji dan merungkai fleksibiliti yang wujud dalam mazhab al-Syafie melalui kaedah dan metode penghujahan mazhab yang ditetapkan oleh pengasas mazhab dan ulamak-ulamak pelopor mazhab al-Syafie. Metode kajian menggunakan penyelidikan keperustakaan (library research) untuk mendapatkan data-data yang relevan sebagai pembuka gambaran tentang isi tajuk dan sebagai hipotesis tulisan ini. Hasil dan dapatan kajian ini ialah walaupun terdapat pandangan dan nas dalam mazhab berkaitan sesuatu isu yang dikeluarkan oleh imam mazhab namun para ulamak mazhab yang terkemudian tetap menggunakan kaedah seperti jalb masalah, hajah, dar u masyaqqah dan maqasid al-syariah dalam menyampaikan dan merungkai pandangan mazhab. Pendekatan ini menunjukkan bahawa terdapat ruang yang besar dalam mazhab al-Syafie sebagaimana yang ditunjukkan oleh para ulamak pemuka mazhab dalam menyelesaikan dan merungkai sesuatu isu yang timbul pada zaman mereka. Dapatan juga menunjukkan dakwaan bahawa pendapat mazhab Syafi'i sepertimana yang terdapat dalam kitab-kitab klasik yang menjadi pegangan kuat kalangan tradisional kelihatan tidak cukup berwibawa untuk menjawab banyak persoalan yang dihadapi adalah tidak tepat kerana penetapan hukum adalah berlandaskan metode penghujahan dan pendalilan yang ditetapkan oleh pengasas mazhab yang mungkin menatijahkan hukum yang berbeza mengikut persekitaran dan zaman sebagaimana yang ditunjukkan oleh ulamak-ulamak mu'tabar mazhab al-Syafie.*

**Kata Kunci:** Fleksibiliti Mazhab, al-Syafie, Kaedah Mazhab

## **Pendahuluan**

Hukum syarak dibahagiakan kepada dua iaitu hukum yang tetap (thabit) yang tidak berlaku perubahan selama-lamanya serta tidak boleh melakukan ijtihad terhadapnya, seperti perkara-perkara atau amalan-amalan yang diwajibkan dan diharamkan serta hukuman-hukuman yang ditentukan oleh syarak seperti hudud dan qisas. Kedua, hukum yang boleh menerima perubahan (mutaghayyir) yang bersesuaian dengan nilai-nilai kemaslahatan, semasa dan setempat, seperti hukuman dalam ta'zir dan sebagainya (Ibn al-Qayyim t.t). Ia juga memberikan nilai-nilai fleksibiliti kepada para mujtahid, untuk mengeluarkan hukum yang sesuai dengan realiti semasa mereka dan berkesinambungan dengan prinsip-prinsip asas syariah. Antara prinsip-prinsip asas yang dinyatakan di dalam al-Quran yang boleh diaplikasikan dalam semua keadaan dan masa adalah kewajipan menegakkan keadilan, mesyuarat, menghilangkan segala kesulitan, mencegah segala bentuk kerosakan, memelihara hak manusia, menunaikan amanah, menyerahkan amanah kepada mereka yang dianggap layak memikulnya, merujuk kepada mereka yang pakar dalam sesuatu bidang. Ini menggambarkan wujud fleksibiliti al-Qur'an dalam menentukan sesuatu hukum dan perundangan (Jad al-Haq 'Ali Jad al-Haq 1991). Dalam sejarah perkembangan mazhab Syafi'i sendiri, ia telah melalui beberapa proses pembaharuan, tajdid, tanqih dan tahdhib. Sebagai contoh, Dr Akram Yusuf 'Umar al-Qawasimi menjelaskan dua kali tanqih telah berlaku dalam mazhab Syafi'i. (Al-Razi 1979) iaitu sekitar tahun 505-676H yang diketuai oleh al-Imam al-Rafi'i dan al-Imam al-Nawawi (631-676H) dan tanqih kedua sekitar tahun 676-1004H yang dipimpin oleh Imam Ibn Hajar al-Haytami (m.973H) dan Imam al-Ramli (m.1004H) yang bertujuan menyucikan mazhab dari pendapat-pendapat yang pelik (syaz) dan marjuh atau menerangkan qawl mu'tamad para fuqaha mazhab dalam semua bab fiqh.

## **Fleksibiliti mazhab atau *murunat al-mazhab***

Fleksibiliti mazhab harus diukur dengan fleksibiliti Islam itu sendiri. Fleksibiliti mazhab ialah sejauh manakah kaedah dan pengamalan pandangan-pandangan mazhab dapat diselaraskan dengan kemajuan, perkembangan dan keperluan manusia atau boleh juga diandaikan dengan fleksibel terhadap perubahan iklim. Iklim bersinonim dengan cuaca dan dalam kiasan bersinonim dengan keadaan dan persekitaran. Perbincangan mengenai fleksibiliti mazhab menuntut kita untuk memperluaskan perbincangan mazhab al-Syafie melangkaui

permasalahan biasa yang normal dibincangkan kepada perbincangan yang merangkumi prasarana, persekitaran, perbandaran, kewilayahan, kejiranan, cuaca dan juga iklim.

Bukti jelas yang menunjukkan bahawa mazhab bersifat dengan *murunah* atau fleksibel ialah keseluruhan imam muktabar mengambil kira uruf dan adat dalam mengeluarkan hukum atau memberi fatwa-fatwa berkaitan serta mengambil kira *umum balwa* iaitu perkara yang umum berlaku dan sukar dielakan.

### ***Al-intiqash dan al-intiqad***

*Al-intiqash* ialah merendahkan-rendahkan seseorang manakala *al-intiqad* ialah mengkritik. Salah satu perkara yang menghalang perkembangan dan fleksibiliti mazhab ialah ketaksuban terhadap mazhab. Ketaksuban berpegang dengan pandangan mazhab tanpa mengendahkan perubahan persekitaran dan kritikan menafikan ciri-ciri fleksibiliti mazhab. Fleksibiliti mazhab bukan bererti bahawa mazhab perlu sentiasa berubah dengan perubahan persekitaran dan menerima apa jua kritikan. Seperkara lagi yang harus diketahui ialah kritikan tidak boleh sampai ke tahap merendah-rendahkan mazhab. Mengkritik merupakan perkara yang terpuji<sup>1</sup>. Mengkritik tidak bermaksud merendah-rendahkan orang yang dikritik walaupun sampai ke tahap memperlihatkan kesalahan pandangan mereka dalam sesuatu perkara bahkan ianya termasuk dalam perkara “menyatakan kebenaran”. Ibnu Hajar al-Makki berkata bahawa para ulamak yang tampil menyatakan bantahan atau tidak bersetuju dengan pandangan seseorang ulamak tidak termasuk dalam *al-tanqish* kerana mereka bertujuan untuk menjelaskan kebenaran.

Imam al-haramian pernah mengkritik pandangan bapanya imam al-Juwaini mengenai satu pandangan sehingga beliau dalam kritiknya menisbahkan pandangan bapanya sebagai suatu kesalahan, kegelinciran dan amat keras sekali penginekarannya. Penginekaran tersebut bukan bererti untuk merendah-rendahkan kedudukan bapanya namun untuk menjauhkan manusia daripada pandangan bapanya yang dianggap salah.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Muhammad amin al-Istarabadi, 1426H, ,Al-fawaid al-madaniyyah, muassasah al-nashr al-Islami

<sup>2</sup> Ibid

## **Pengeluaran Hukum Berdasarkan Metod Imam Al-Syafie Di Kalangan Ulamak Mazhab**

Pengamalan mazhab Syafi'i di Malaysia lebih berdasarkan penukilan pendapat-pendapat para pendokongnya yang termuat dalam penulisan fiqh silam. Hal ini membawa kepada masyarakat hanya mengetahui nas-nas fiqh mazhab Syafi'i daripada mengetahui metode pembinaan hukum yang menjadi asas kepada terbinanya mazhab. Perkembangan ini amat sesuai dengan kemampuan orang awam yang hanya mampu bertaqlid dengan hukum-hakam yang ada tanpa perlu meneliti bagaimana hukum tersebut dijemakan oleh Imam Syafi'i ataupun para pendokongnya.

Di Malaysia dari sudut prosedur pengeluaran fatwa pandangan fiqh mazhab Syafi'i diberi keutamaan. Hal ini jelas apabila dinyatakan dalam peraturan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia bahawa *qawl* muktamad mazhab Syafi'i lazimnya diguna pakai. Namun jika *qawl* tersebut bertentangan dengan kepentingan awam, jawatankuasa fatwa boleh merujuk kepada *qawl* muktamad dalam mazhab Ahl al-Sunnah yang lebih kuat dalilnya dan lebih masalah bagi umat<sup>3</sup>.

Menjadikan Mazhab Syafi'i sebagai rujukan fiqh secara konsisten dalam pelbagai bidang dan isu-isu yang timbul di Malaysia akan menjadi sukar sekiranya penguasaan terhadap metode pembinaan hukum dalam mazhab Syafi'i tidak diteliti dan dikuasai secara mendalam. Pengetahuan tentang metod penghujahan dalam mazhab al-Syafie samada oleh imam al-Syafie sendiri sebagai pengasas atau oleh pendokong mazhab dari kalangan ulamak-ulamak bermazhab al-Syafie bukan hanya setakat memerlukan kefahaman sebenar terhadap fiqh Syafi'i bahkan pengetahuan dan kajian kepada usul penghujahan dalam mazhab yang digunakan untuk menentukan status hukum atau penyelesaian kepada sesuatu perkara.

Hakikatnya ialah fiqh sesuatu mazhab itu didirikan berdasarkan metode penghujahan tertentu yang dijemakan oleh pengasas masing-masing dan berbeza-beza di antara satu sama lain. Imam Al-Syafie meletakkan asas dan kaedah utama dalam mazhabnya. Ulamak-ulamak terkemuka dalam mazhab al-Syafie yang terkemudian seperti al-Asnawi, al-Azra'ie, al-Bulqini, Zakaria al-Ansari, al-Khatib al-Syarbini, Ibn Hajr al-Haitami dan Syamsuddin al-

---

<sup>3</sup> Ahmad Hidayat Buang (2006), "Ke Arah Penyelelarasan Fatwa: Masalah, Kemungkinan Dan Cabaran Penyelesaian" dalam Abdul Samat Musa, Prinsip Dan Pengurusan Fatwa Di Negara-negara Asean, Institut Pengurusan Dan penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD). Nilai: Kolej Universiti Islam Malaysia, h. 34.

Ramli membincangkan perkara cabang (furu') lain berdasarkan kepada manhaj mazhab Al-Syafie.

Persoalan seterusnya ialah mengenai istilah bermazhab dari kalangan ulamak dan mereka yang terlibat dalam urusan fatwa dan hukum Islam semasa. Adakah bermazhab bererti berpegang dengan metod penghujahan mazhab walaupun menatijahkan pandangan yang berbeza dengan mazhab atau berpegang dengan *qaul* yang muktamad atau lemah dalam mazhab?

Melihat kepada realiti yang berlaku dalam permasalahan furu' yang dibincangkan oleh para ulamak terdahulu dapat disimpulkan bahawa kalangan ulamak besar mazhab al-Syafie tidak terikat atau taqlid kepada Imam Syafie dalam semua perkara. *Ashab al-wujuh* -sebagai contoh- tampil menentukan hukum yang belum disebutkan oleh Imam Syafie. Mereka adalah mujtahid dan mereka dinisbahkan kepada mazhab al-Syafi'i disebabkan mereka mengikut manhaj al-Syafi'i dalam berijtihad, berhujah atau berdalil dan susunan dalil atau hujah iaitu mana yang didahulukan dan dikemudiankan lalu ijtihad mereka menepati ijtihad imam al-Syafi'i. Segolongan lain dalam mazhab ialah mereka yang tidak sampai ke tahap mujtahid dan mereka mengeluarkan hukum dengan melakukan qias terhadap hukum-hukum yang telah disebutkan oleh imam al-Syafie yang bersetentangan dengan permasalahan baharu yang mereka hadapi kerana terdapat persamaan makna atau *illah* antara hukum yang diputuskan oleh imam dan permasalahan baharu dengan mengikut kaedah yang diletakkan oleh imam al-Syafi'i. *Illah* atau makna tersebut boleh jadi disebutkan secara jelas oleh imam al-Syafi'i atau dirumuskan dari perkataan imam al-Syafi'i<sup>4</sup>.

Dalam keadaan yang lain mereka mengeluarkan hukum yang belum diputuskan oleh imam al-Syafi'i dari nas-nas Syara' dengan landasan yang ditetapkan oleh Imam Syafie dari sudut pendalilan dan pemeliharaan kaedah serta syarat-syaratnya. mujtahid ialah *wujuh-Ashab al*<sup>5</sup> mazhab yang tidak melihat kepada dalil dan usul sebagaimana yang dilakukan oleh *mujtahid mutlak*. Mereka mengeluarkan hukum berdasarkan usul dan kaedah yang diletakkan oleh ulamak atau mujtahid lain<sup>6</sup>. Mereka berpegang dengan pandangan imam mazhab dan tidak berpaling kepada selain pandangan imam (jika ada). Kebanyakan mereka berpandangan bahawa tidak perlu lagi kepada pengetahuan al-Quran, sunnah dan bahasa Arab kerana semuanya telah cukup dengan pandangan-pandangan imam mazhab. Imam mazhab telah

---

<sup>4</sup> Al-Nawawi, 1991, raudhatu al-thalibin wa 'umdatu al-muftiin,

<sup>5</sup> Al-tuhfah dan al-ib-tihaj

<sup>6</sup> Al-Dahlawi, al-insaf fi bayan asbab al-ikhtilaf.

melakukan segala upaya mengeluarkan pandangan dari nas-nas syara' maka mereka hanya berpegang dengan pandangan tersebut dan mereka berpegang dengannya sebagai dalil.<sup>7</sup> *Ashab al-wujuh* dalam mazhab al-Syafie ialah ulama yang taqlid Imam Syafie dalam masalah syarak, sama ada dalil atau pun kaedah asasnya.

*Al-Muzani* sering dilihat bercanggah dengan pendapat imam al-Syafi'i sehinggakan beberapa ulamak terkemuka mazhab al-Syafi'i memperincikan pandangan beliau samada pandangan yang dikeluarkan oleh beliau mengikut kaedah pendalilan mazhab atau sebaliknya. Jika pendapat *al-Muzani* disimpulkan oleh beliau dengan berlandaskan kaedah mazhab maka pendapatnya dianggap sebagai satu pandangan dalam mazhab namun jika sebaliknya maka itu hanyalah pandangan beliau sendiri.

*Ashab al-wujuh* ialah mereka yang telah sampai ke tahap mujtahid. Apabila mereka mendapati terdapat nas atau pandangan imam mazhab yang terkeluar dari kaedah mazhab maka mereka akan menyesuaikan dengan kaedah mazhab selagi terdaya dan jika tidak dapat disesuaikan maka mereka akan beramal dengan kaedah tersebut tanpa berpaling kepada nas imam mazhab. Tidak boleh dikatakan bahawa mereka terlepas pandang mengenai nas tersebut bahkan mereka telah melihat nas tersebut dan memalingkannya dari maknanya yang zahir dengan dalil lain kerana menurut pandangan yang sahih dalam mazhab seorang yang sampai ke tahap mujtahid tidak harus bertaqlid bahkan perlu berijtihad<sup>8</sup>. Kewujudan ulamak yang bertaraf mujtahid mazhab amat penting. Mereka mengeluarkan pandangan baharu berdasarkan nas atau pandangan imam mazhab atau sekiranya imam mazhab tidak mempunyai pandangan dalam hal tersebut maka mereka mengeluarkan hukum berdasarkan usul-usul yang khusus dengan permasalahan tersebut seperti mereka berhujah dengan nas-nas syara' atau dalil mengikut syarat-syarat yang diletakkan oleh imam mereka<sup>9</sup>. Pendekatan yang dilakukan oleh mujtahid mazhab ini dinamakan sebagai *takhrij*.

Imam al-Suyuti memberikan komentar beliau mengenai fenomena ini:

*Realitinya apa yang dilakukan oleh sebahagian pendokong mazhab Syafi'i ialah mereka masih bermazhab Syafi'i namun bukan bertaqlid kepadanya, bahkan mereka mendapati metode Imam Syafi'i adalah metode yang terpimpin dalam melakukan qiyas dan ijtihad*

---

<sup>7</sup> Ibnu Qudamah, I'lam al-muwaqqi'in.

<sup>8</sup> Muhammad amin al-Istarabadi, 1426H, 'Al-fawaid al-madaniyyah, muassasah al-nashr al-Islami

<sup>9</sup> Al-Nawawi, adab almufti wa al-mustafti

*sedangkan mereka tidak dapat mengelakkan diri dari berijtihad. Justeru itu mereka menggunakan metode tersebut dengan mencari penyelesaian hukum-hakam yang diperlukan. Manakala status fatwa yang dikeluarkan oleh mereka (walaupun bukan mujtahid mutlaq mustaqil) adalah sama dengan status fatwa seorang mujtahid mutlaq mustaqil dari sudut pengamalan dan pengkategorian dalam ijmak dan percanggahan pandangan (khilaf)<sup>10</sup>*

Dari itulah perlu dibezakan antara pandangan mazhab Syafie dan pandangan imam al-Syafie sendiri kerana terdapat pandangan dalam mazhab Syafi'i yang tidak bersetentangan dengan pendapat imam al-Syafi'i disebabkan pentarjihan yang dilakukan oleh ulamak-ulamak dalam mazhab berpandukan dalil yang lebih kuat dan sahih.

Syeikh 'Izz al-Din 'Abd al-Salam berkata:

*Daripada kepelikan perkara yang berlaku terhadap fuqaha' yang bertaklid ialah berpegang dengan hujah lemah dari imam yang ditaklid sehingga dia sendiri tidak mampu mempertahankan untuk menolak kelemahan tersebut namun dia tetap bertaklid dan meninggalkan pandangan mereka yang berhujah dengan al-Quran dan al-sunnah serta qias yang sahih. Bahkan dia melakukan helah untuk menolak zahir al-Quran dan al-Sunnah dengan takwilan yang jauh tersasar dan batil untuk mempertahankan imam yang ditaklid.....sehinggakan dia beranggapan bahawa kebenaran hanyalah pada mazhab imamnya sahaja.<sup>11</sup>*

Kesimpulannya ialah mengeluarkan sesuatu hukum baharu walaupun berlawanan dengan pandangan imam al-Syafie sebagai pengasas mazhab masih dianggap sebagai pendapat mazhab Syafi'i selagi berpandukan metode penghujahan yang diasaskan dan disusun oleh Imam Syafi'i dan disimpulkan oleh ulamak besar bermazhab Syafi'i.

## **Dasar Pendalilan Dan Metod Penghujahan Imam al-Syafi'i**

### ***Method penghujahan umum***

Metod penghujahan umum bermaksud metod yang digunakan untuk mengeluarkan dan memberikan pandangan hukum dalam semua kes dan permasalahan samada ibadat, aqidah,

---

<sup>10</sup> Jalal al-Din al-Suyuti (1413H), al-Radd 'ala man Akhlada ila al-Ard wa Qala inn al-Ijtihad fi kull 'Asr Fard, Khalil al-Mays (ed.). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah

<sup>11</sup> 'Izz al-Din 'Abd al-Salam dalam Jalal al-Din al-Suyuti (1413H), al-Radd 'ala man akhlada ila al-Ard wa Qala inn al-Ijtihad fi kull 'Asr Fard, Khalil al-Mays (ed.). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah

muamalat, munakahat dan jenayah. Metod penghujahan umum ialah metod yang digunakan dalam mazhab untuk mengeluarkan hukum-hakam yang dasar seperti riba, hukum membaca al-fatihah dalam solat, zakat emas perhiasan, nafkah anak dan ibu-bapa dan sebagainya. Metod penghujahan umum ialah method terhadap sesuatu isu mengikut urutan yang perlu diikuti oleh mereka yang berijtihad sebagaimana yang diketengahkan oleh imam al-Syafi'i.<sup>12</sup> Menurut imam al-Syafi'i setiap permasalahan perlu dihadapkan kepada lima dasar untuk menentukan hukumnya iaitu al-Qur'an, sunnah, ijma', qiyas dan *istidlal*.

1. Menghadapkan masalah/isu kepada al-Quran . Imam al-Syafi'i berpegang dengan zahir al-Quran atau makna *lafzi*, mantuq dan mafhumnya. Contoh bagi pendalilan dengan kaedah ini ialah memutuskan bahawa hanya air mutlak sahaja yang boleh digunakan untuk menanggalkan najis. Pengkhususan air sebagai alat menanggalkan najis difahami dari ayat al-Quran tanpa perlu kepada *illah*<sup>13</sup> iaitu hanya berpegang dengan lafaz al-Syari' (Allah SWT) dan mengikat hukum dengan lafaz tersebut.<sup>14</sup>
2. Menghadapkan permasalahan kepada hadis nabi SAW, walaupun hadis tersebut bertaraf *ahad*. Syarat penerimaan hadis ialah sekadar hadis tersebut sah.
  - a) Mutawatir kemudian
  - b) Hadis *ahad*. Menurut imam al-Syafi'i hadis *ahad* boleh digunakan untuk mengkhususkan ayat al-Quran yang bersifat umum.
  - c) Lemah
    - a. tidak terlalu lemah
    - b. dibenarkan oleh kaedah umum atau dasar *kulli* /umum
    - c. tidak bertentangan dengan dalil yang kuat atau sah
    - d. bukan untuk menetapkan halal, haram dan masalah keimanan<sup>15</sup>
3. Berpegang dengan zahir al-Quran sebelum beralih kepada qiyas. Ayat al-Quran yang zahir boleh dikhususkan dengan qiyas dan hadis.
4. Jika tidak terdapat qiyas atau hadis yang mengkhususkan ayat al-Quran yang umum dan zahir maka hendaklah berpegang dengan zahir al-Quran.

---

<sup>12</sup> Al-Ghazali, Al-Ghazali, al-mustasfa min 'ilm al-usul, syirkat al-Madinah al-Munawwarah li al-tiba'ah, MAdianah, Saudi Arabia t.t

<sup>13</sup> Al-Juwaini, Nihayat al-matlab fi dirayat al-mazhab

<sup>14</sup> Contoh-contoh lain lihat al-umm bab hadis al-yamin ma'a al-syahid

<sup>15</sup> Muhammad bin Idris al-Syafi'i, 2005, *al-Risalah*, Kaherah, Maktabah al-turath, Mesir



5. Jika tidak terdapat nas dari al-Quran dan Sunnah yang bersetentangan dengan masalah yang dikaji maka perlu dirujuk kepada mazhab-mazhab. Jika perkara tersebut telah berlaku *ijma'* maka perlu mengikut *ijma'* tersebut dan
6. Jika tidak berlaku *ijma'* ke atas perkara tersebut maka barulah berpindah kepada *qiyas*. Dalam melakukan qias maka *al-qawaid al-kulliyah* perlu didahulukan dari *al-qawaid al-juziyyah* seperti mendahulukan pencegahan *al-radu'* dari penjagaan *mura'at* <sup>16</sup>
  - a) Mencari *illah* yang terdapat pada nas atau pandangan imam dan jika tidak terdapat *illah* yang dinaskan oleh imam
  - b) Maka digabungkan kepada nas tersebut *illah-illah* lain yang ditunjukkan oleh dalil dan jika masih gagal
  - c) Maka berpindah kepada *mafhum* <sup>17</sup>

Jika tidak terdapat *qawaid kulliyah* dalam masalah yang dicari maka dilihat pula nas-nas atau pandangan lain juga perkara-perkara lain yang telah berlaku *ijma'* ke atasnya dan diqiyaskan kepada perkara tersebut jika ada persamaan pada makna dan *illah*.

*Al-qawaid al-kulliyah al-khamsah* atau lima kaedah fiqh yang utama ialah *al-umur bi-maqasidiha/* setiap amal perbuatan bergantung pada niat, *al-yaqin la yuzalu bish-shak/* Keyakinan tidak gugur dengan keraguan, *al-dararu yuzal/* Kemudaratan perlu dihilangkan, *al-mashaqqat tajlib al-taysir/* Kesulitan membawa kepada kemudahan dan *tahkim al-'adat wa al-ruju' ilayha/* Adat (Urf) sebagai salah satu faktor penyumbang kepada ketentuan hukum. *Al-qawaid al-kulliyah* dijadikan sandaran untuk mengetahui hukum perkara tersebut sehinggalah apabila tidak terdapat kaedah yang boleh dijadikan sandaran maka dilihat pula nas-nas dan perkara-perkara yang telah berlaku *ijma'* <sup>18</sup>. Imam al-Syafi'i meletakkan *ijma'* dalam urutan selepas hadis. Namun yang sebenarnya ialah mendahulukan *ijma'* atas sunnah. Imam al-Syafi'i mendahulukan sunnah dari sudut susunan atau kedudukan namun mendahuukan *ijma'* dari sudut pengamalan.

---

<sup>16</sup> Al-Ghazzali, al-mankhul, dalam *al-Radd 'ala man Akhlada ila al-Ard wa Qala inn al-Ijtihad fi kull 'Asr Fard*, Khalil al-Mays (ed.). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah

<sup>17</sup> Al-Syirazi, al-luma'

<sup>18</sup> Al-Ghazali, al-mankhul fi ta'liqat al-usul, dar al-fikr, Damsyiq

Menjelaskan susunan metod yang diketengahkan oleh imam al-Syafi'i, imam al-Ghazali menjelaskan bahawa seorang mujtahid yang berhadapan sesuatu permasalahan baharu perlu menganggap bahawa perkara tersebut tidak ada hukum<sup>19</sup> (النفي الأصلي) sehinggalah sampai kepadanya *al-sama'* iaitu kata-kata nabi SAW . Menurut imam al-Ghazali<sup>20</sup> al-Quran juga *al-sama'* kerana al-Quran sampai kepada kita melalui nabi SAW dan kita tidak mendengarnya secara langsung dari Jibrail a.s mahupun dari Allah SWT . Sebelum merujuk kepada al-Quran dan sunnah seorang mujtahid perlu memastikan samada terdapat *ijma'* mengenai hukum perkara yang dikaji, dan berpegang dengan *ijma'* tanpa perlu lagi melihat al-Quran dan sunnah. Jika sudah dipastikan bahawa tidak berlaku *ijma'* dalam perkara yang dikaji maka dirujuk kepada al-Quran dan sunnah yang *mutawatir* maka diperhatikan keumuman lafaz dan makna *lafzi* /zahir dari Quran dan sunnah. Setelah itu diperhatikan pula jika ada nas-nas dari sunnah yang *ahad* dan qias yang mengkhususkan keumuman dan zahir nas Quran dan sunnah. Jika keumuman nas dari al-Quran dan al-sunnah bertentangan dengan *qias* dan sunnah yang *ahad* maka nas yang umum dikhususkan dengan *qias* dan sunnah yang *ahad*. Jika mujtahid masih tidak menjumpai nas walaupun zahir lafaz maka beralih kepada qias *al-nusus* (قياس النصوص)

Metod penghujahan yang diletakkan oleh imam al-Syafie juga menyumbang kepada fleksibiliti mazhab. Imam al-Nawawi sebagai contoh menggunakan kaedah yang paling umum dan paling asas dalam melakukan pentarjihan ke atas pandangan imam al-Syafie yang diriwayatkan berbeza dan saling bercanggah antara satu sama lain iaitu menggunakan kata-kata imam al-Syafie sendiri “*apabila sesuatu hadis itu sahih maka itulah mazhabku atau pandanganku*” dan “*jika kamu dapati pandanganku menyalahi sunnah rasulullah maka beramallah dengan sunnah dan tinggalkan pandanganku*”. Menurut imam al-Nawawi para ulamak mazhab telah menggunakan kata-kata imam al-Syafie dalam pelbagai masalah untuk menentukan hukum jika mereka menemukan sesuatu yang lebih sahih dari sunnah nabi SAW atau mereka dapati pandangan imam mereka menyalahi sunnah nabi SAW.<sup>21</sup>

---

<sup>19</sup> Al-Ghazali, *al-mustasfa min 'ilm al-usul*, syirkat al-Madinah al-Munawwarah li al-tiba'ah, Madianah, Saudi Arabia t.t

<sup>20</sup> Rasim Mumammad Abd Karim, *Al-istihsan fi al-Syariah al-Islamiyyah*, dar al-kutub al-ilmiyyah, Beirut-Lubnan t.t

<sup>21</sup>

Menurut al-Subki<sup>22</sup> antara faedah yang diperolehi daripada kata-kata imam al-Syafie ialah apabila imam al-Syafie berseorangan dalam satu pendapat sedangkan ulamak-ulamak lain berpegang dengan pandangan sebaliknya berdasarkan hadis nabi SAW kerana hadis tersebut tidak sampai kepadanya maka pandangan ulamak dalam permasalahan tersebut dianggap *ijma'* jika hadis tersebut adalah sahih sedangkan hanya imam al-Syafie sahaja yang berbeza pandangan. Ibnu Solah<sup>23</sup> juga menyatakan harus bagi seseorang yang bermazhab al-Syafie untuk beramal dengan hadis yang bercanggah dengan pandangan mazhab jika beliau seorang *mujtahid mutlak* atau hanya *mujtahid* dalam perkara tersebut. Menurut Ibnu Solah seorang ulamak bermazhab al-Syafie juga diharuskan untuk berpegang dengan pandangan mazhab lain jika tidak dapat menolak hujah pihak lain yang berpegang dengan hadis atau berseorangan berpegang dengan hadis tersebut walaupun tidak terdapat mazhab yang beramal dengan hadis yang diamalkannya.

### ***Metod Penghujahan Yang Bersandarkan Kepada Kaedah Fiqh***

Epistemologi fikih secara umum dapat dirumuskan sebagai penetapan hukum dengan menggunakan metode deduktif dan metode induktif atau gabungan antara keduanya. Deduktif atau *istinbath al-ahkam* biasanya dirumuskan oleh ulama-ulama hadis dan tafsir. Tugas *mufassir* dan *muhaddis* adalah memberi interpretasi terhadap nas. Metode induktif (*istidlali*) biasanya dirumuskan oleh mujtahid yang berorientasikan sosiologis antropologis. Bagi mereka, kenyataan-kenyataan sosial dapat mempengaruhi rumusan hukum. Bagi kelompok kedua ini mereka terkenal dengan penggunaan kaedah *tagayyur al-ahkam bi tagayyur al-amkinat wa al-azminat* (hukum dapat berubah dengan perubahan zaman dan tempat). Di antara mereka ada juga yang menggabungkan dua methode *istinbati* dan *istidlali* serentak dalam melakukan ijtihad, seperti yang dikembangkan oleh imam al-Syathibi<sup>24</sup>

Sebagaimana yang telah lalu mujtahid mazhab akan menyesuaikan pandangan atau nas imam dengan kaedah mazhab dan jika terdapat pandangan imam mazhab yang menyalahi kaedah mazhab mereka akan beramal menurut kaedah mazhab.

---

<sup>22</sup> Al-Subki, Taqiuddin Abi al-Hasan Ali Bin Abd al-Kafi, ma'na qaul al-imam al-Muttalibiy iza sah al-hadis fahuwa mazhabi, idarat tiba'at al-munirah, Damsyid-Syria, 3/114.

<sup>23</sup> Ibid

<sup>24</sup> Abu Ishaq al-Syathibi (w. 790) dikenal sebagai peletak dasar baru dalam metodologi ijtihad, yaitu dengan memadukan antara deduktif dan induktif melalui konsep maqashid alsyari'at. Lihat karyanya Al-Muwafaqat fi Ushul al-Ahkam, (Mesir: Dar al-Fikr, t. th.), h. 48

Metod penghujahan yang bersandarkan kepada kaedah ialah pendekatan yang digunakan untuk mengeluarkan dan memberikan pandangan hukum dalam kes-kes tertentu mengikut pecahan ranting Syariat. Metod penghujahan yang bersandarkan kepada kaedah digunakan dalam kes-kes tertentu dalam ranting Syariat Islam iaitu ibadat, aqidah, muamalat, munakahat dan jenayah, perubatan dan sebagainya untuk menentukan status hukum. Metod penghujahan yang bersandarkan kepada kaedah boleh dirumuskan sebagai suatu bentuk penghujahan yang bersandarkan kepada kaedah-kaedah Syarak dan fiqh. Setiap satu cabang dan ranting Syarak mempunyai kaedah dan sandaran tertentu dan setiap satunya digunakan untuk mengeluarkan hukum dalam ranting Syariat Islam yang berbeza. Metod penghujahan dari kategori ini secara umumnya menggunakan kaedah fiqh dan Syarak yang diambil dan dikeluarkan melalui metod penghujahan umum. Metod penghujahan yang bersandarkan kepada kaedah merupakan antara yang paling jelas yang menjadi penunjuk kepada fleksibiliti mazhab dalam mendepani isu-isu semasa yang timbul. Kaedah fiqh yang digarap sebagai alat untuk mencapai kepada pengeluaran hukum sesuai dengan landasan yang sepatutnya. Kaedah-kaedah fiqh juga digunakan oleh para ulamak pemuka mazhab seperti *ashab al-wujuh* untuk merungkai dan menerangkan pandangan imam mazhab agar sesuai dan relevan untuk dipraktikkan.

Contohnya dalam masalah niat solat samada wajib dilakukan ketika takbir, sebelum atau selepas selesai takbir. Imam al-Syafie menyatakan bahawa niat perlu dilakukan bersama takbir tidak boleh mendahului atau selepas takbir. Menurut imam al-Mawardi (1994) para *ashab* telah berselisih pandangan dalam memperincikan niat ketika takbir kepada beberapa pandangan. Menurut beliau tiada perincian dalam Syara' mengenai hal ini samada menetapkan niat sehingga selesai takbir atau memulakan niat sebelum takbir dan mengekalkannya sehingga selesai takbir atau memulakan niat seiringan dengan lafaz takbir dan sebagainya. Niat sudah memadai jika diandaikan berlaku beriringan dengan awal masuk solat atau takbir tanpa perincian yang mendalam kerana memperincikan hal tersebut menimbulkan kesukaran terutamanya bagi orang awam. Niat juga dianggap memadai jika orang yang bersolat tidak lalai muntuk berniat ketika takbir tanpa perincian masa-masa tertentu. Imam al-Nawawi juga berpandangan sedemikian (Al-Nawawi t.t). Terdapat banyak lagi masalah yang mengundang perbezaan pandangan di kalangan ulamak mazhab al-Syafie disebabkan oleh perbezaan persekitaran dan zaman. Imam al-Nawawi mentarjihkan pandangan yang mengharuskan *bai' al-mu'at* (jual beli tanpa melafazkan ijab dan qabul) berdasarkan kepada pandangan orang ramai yang menganggapnya jual beli (Al-Nawawi t.t) .

Al-Imam Asy-Syafie menolak tindakan menjadikan fulus iaitu logam selain emas dan perak sebagai matawang dan beliau amat tegas dalam hal ini sehingga menolak sebarang *qiyas* terhadap emas dan perak. Namun ulama mazhab Syafie berpendapat *qiyas* dalam hal ini masih wujud sekiranya ia mempunyai '*illah athman*. (Al-Nawawi t.t). Ulama mazhab Syafie di Khurasan berpandangan fulus tertakluk kepada riba kerana fulus menjadi mata wang yang tersebar luas di Khurasan sehinggakan ulama di Khurasan mengeluarkan fatwa yang berbeza berbanding pandangan dalam mazhab Shafie. Pendapat ini berteraskan kepada method penghujahan umum dan juga kaedah fiqh iaitu:

- a. Qiyas dengan matawang emas dan perak kerana kedua-duanya diiktibar sebagai perantaraan dalam urusan jual beli.
- b. Uruf seluruh manusia menggunakannya dalam semua urusan ekonomi.
- c. Masalah manusia kerana manusia berhajatkan penggunaan matawang.
- d. Kaedah *sadd al-zara'i* kerana sekiranya wang fulus (wang fiat pada masa sekarang) tidak mempunyai '*illah al-thamaniyyah* maka beberapa hukum syarak akan gugur seperti tidak diwajibkan zakat pendapatan dan mata wang kertas tidak tertakluk kepada peraturan riba.

Melihat kepada keadah masalah *sad al-zaria'at al-Banjari* sebagai contoh sangat berjaya dalam hal ini terutama dalam masalah masalah pengagihan zakat, penggunaan tabala, haram memakan anak lebah yang sudah menjadi ulat, larangan bersuara nyaring membaca al-quran jika dikhuatiri memberi gangguan kepada orang lain, dan hukum melaksanakan solat berjamaah di tempat khusus ( masjid, mushalla/langgar/surau). Bahkan, dalam kes pengharaman memakan anak lebah yang sudah menjadi ulat, al-Banjari menggunakan gabungan pendekatan deduktif dan induktif. Secara deduktif terdapat nas-nas yang melarang memusnahkan anak binatang dan secara induktif, lebah menjadi bahan dasar yang sangat penting bagi pemenuhan zat-zat kimia yang sangat diperlukan untuk tumbesaran dan daya imun tubuh manusia.

Memilih pendapat selain Mazhab Syafi'ie atau menerima pendapat *marjuh* dalam Mazhab Syafi'ie dalam melaksanakan ibadat boleh dianggap sebagai satu keringanan atau *rukhsah*. *Rukhsah* atau keringanan merupakan anjuran syara' dan terdapat kaedah khusus mengenainya. Contohnya tidak batal wuduk jika berlaku persentuhan lelaki dan perempuan tanpa syahwat yang boleh diaplikasikan dalam masalah tawaf dan ianya merupakan pandangan sebahagian ulamak mazhab al-Syafi'ie sebagaimana yang disebut oleh Ibn Surajj

dan al-Rafi'ie. Dengan pandangan ini suami boleh memimpin tangan isteri ketika tawaf kerana wujud *masyaqqah* jika tidak dibenarkan melakukan perkara sedemikian terutamanya ketika diasak oleh Jemaah haji yang ramai.

Syeikh Syihabuddin Ahmad Bin Ismail al-Ibsyiti berfatwa bahawa orang yang berihram yang perlu memakai pakaian berjahit secara berulang-ulang kali hanya perlu membayar sekali sahaja fidyah bukan setiap kali menaggal dan memakai pakaian berjahit sebagaimana pandangan mazhab al-Syafie. Beliau berfatwa mengikut mazhab Imam Malik kerana terdapat kesukaran atau *masyaqqah* jika difatwakan mengikut pandangan mazhab (Al-Kurdi 2011).<sup>25</sup> Al-Subki mengharuskan jual beli barang yang *ghaib* (Barang yang tidak ada semasa akad dilakukan atau sebelum melihat barang yang dijual) kerana berpegang dengan pandangan yang lemah dalam mazhab. Keharusan jual beli barang yang *ghaib* adalah pandangan kebanyakan ulamak dan diperkuatkan dengan dalil dan orang ramai amat memerlukan jual beli dari jenis ini. (Al-Kurdi 2011).

Sekiranya pendekatan ini digunakan, pandangan-pandangan hukum akan terus berkembang dan bertambah di samping khazanah fiqh yang telah sedia ada. Sebaliknya, jika kita hanya merujuk khazanah fiqh sahaja tanpa keluar dari lingkungan itu, maka pengkayaan khazanah fiqh pasti kurang berlaku. Dalam kerangka pembinaan hukum Islam semasa pembinaan hukum-hukum baru sepatutnya menggunakan kerangka mazhab Syafi'i dari aspek usul, kaedah, metodologi dan pemikiran dan bukannya hanya bertaqlid kepada fiqh (*furu'*) sahaja.

Maka dapat disimpulkan di sini fleksibiliti mazhab al-Syafi'I berfungsi melalui pendekatan-pendekatan yang diambil oleh para mujtahid mazhab apabila timbul sesuatu isu baharu. Pendekatan tersebut iaitu:

1. Melakukan qias terhadap hukum-hukum yang telah disebutkan oleh imam al-Syafie sekiranya makna atau *illah* yang terdapat pada hukum yang diputuskan oleh imam bersetentangan dengan permasalahan baharu yang timbul.
2. Jika qias tidak dapat dilakukan kerana ketiadaan pandangan imam yang mempunyai maksud atau *illah* yang bersetentangan dengan permasalahan baharu yang timbul maka hukum bagi permasalahan tersebut disimpulkan dengan berpandukan kaedah yang menjadi dasar pendalilan mazhab.

3. Berfatwa dengan pandangan yang lemah dalam mazhab kerana mengikut pandangan ulamak-ulamak lain yang ramai berfatwa sedemikian.
4. Pengeluaran hukum dengan bersandarkan kepada kaedah fiqh menambahkan fleksibili mazhab walaupun sudah terdapat pandangan mazhab dalam isu yang dibincangkan.
5. Mengambil pandangan yang dipegang oleh ramai ulamak kerana keperluan dan memudahkan urusan manusia juga merupakan salah satu kaedah mazhab.
6. Sebagai suatu mazhab yang menerima qias sebagai salah satu sumber hukum, qias menambahkan nilai fleksibiliti dalam mazhab al-Syafie. Para fuqaha' semenjak zaman rasulullah s.a.w. kini dan seterusnya akan menggunakan Qiyas dalam masalah fiqh dan masalah-masalah yang berkaitan dengan agama kerana qias mengandungi nilai-nilai fleksibiliti sebagaimana yang dijelaskan oleh Imam Muzani (Al-Qaradawi 1990) untuk disesuaikan dengan permasalahan baharu yang timbul.
7. Tidak terikat dengan mazhab dalam menghadapi persoalan baharu jika terdapat nas yang lebih sahih atau lebih kuat berpandukan kaedah berbanding pandangan mazhab juga merupakan salah satu kaedah berfatwa yang diamalkan oleh mujtahid mazhab al-Syafie.
8. Berpegang dengan mazhab ialah mengikut kaedah pengeluaran hukum yang ditetapkan oleh imam mazhab walaupun menatijahkan pandangan yang berbeza dengan pandangan imam mazhab.

## Rujukan

1. Muhammad Bin Sulaiman al-Kurdi, 2011, *Al-fawaid al-madaniyyah fi man yufta bi qaulihi min aimmat al-syafieyyah*, Nur Sabah & Jaffan wa Jabi, Beirut-Lebnon.
2. Muhammad amin al-Istarabadi, 1426H, *Al-fawaid al-madaniyyah*, muassasah al-nasr al-Islami
3. Ahmad Hidayat Buang (2006), *Ke Arah Penyelelarasan Fatwa: Masalah, Kemungkinan Dan Cabaran Penyelesaian*, dalam Abdul Samat Musa, *Prinsip Dan Pengurusan Fatwa Di Negara-negara Asean*, Institut Pengurusan Dan penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD). Nilai, Kolej Universiti Islam Malaysia, m/s 34.
4. Al-Nawawi, 1991, *raudhatu al-thalibin wa 'umdatu al-muftiin*,
5. Al-Nawawi, *Al-majmu' syarh muhazzab*, Jeddah, Saudi.t.t
6. Al-Nawawi, *adab almufti wa al-mufti*
7. Al-Ghazali, *al-mankhul min ta'liqat al-usul*, tahqiq Dr Muhammad Hasan Hito, dar al-fikr, cetakan ke 2, Damsyiq.
8. Al-Ghazali, *al-mustasfa min 'ilm al-usul*, syirkat al-Madinah al-Munawwarah li al-tiba'ah, Madianah, Saudi Arabia t.t
9. Al-tuhfah dan al-ib-tihaj

10. Al-Dahlawi, *al-insaf fi bayan asbab al-ikhtilaf*.
11. 'Abdullah bin Ahmad Ibnu Qudamah, Ibnu Qayyim Al-Jauziyyah, *I'lam al-muwaqqi' in 'an rabb al-'alamin*, Dar Ihya' At-Turath Al-'Arabi.
12. Muhammad amin al-Istarabadi, 1426H, *Al-fawaid al-madaniyyah*, muassasah al-nashr al-Islami
13. Jalal al-Din al-Suyuti (1413H), *al-Radd 'ala man Akhlada ila al-Ard wa Qala inn al-Ijtihad fi kull 'Asr Fard*, Khalil al-Mays (ed.). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
14. 'Izz al-Din 'Abd al-Salam dalam Jalal al-Din al-Suyuti (1413H), *al-Radd 'ala man akhlada ila al-Ard wa Qala inn al-Ijtihad fi kull 'Asr Fard*, Khalil al-Mays (ed.). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
15. Al-Juwaini, 2007, *Nihayat al-matlab fi dirayat al-mazhab*, di edit oleh Abd al- Azim Mahmud al-Dib, Beirut Dar al-Minhaj.
16. Muhammad bin Idris al-Syafi'i, 2005, *al-Risalah*, Kaherah, Maktabah al-turath, Mesir
17. Syekh\_Abu Ishaq Ibrahim, al-Syirazi, 1988, *al-luma'* tahqiq oleh Syekh Abdu al-Majid al-Turki. Dar al-Islami, Beirut, Lebanon.
18. Rasim Mumammad Abd Karim, *Al-istihsan fi al-Syariah al-Islamiyyah*, dar al-kutub al-ilmiyyah, Beirut-Lubnan t.t
19. Al-Subki, Taqiyuddin Abi al-Hasan Ali Bin Abd al-Kafi, *ma'na qaul al-imam al-Muttalibiy iza sah al-hadis fahuwa mazhabi*, idarat tiba'at al-munirah, Damsyid-Syria,.
20. Abu al-Hasan Ali Bin Muhammad Bin Habib. Al-Mawardi al-Basriy. 1994. *Al-Hawi al-Kabir*, dar al-kutub al-'lmiyyah, Beirut-Lubnan.
21. Al-Razi (1979), Mukhtar al-Sihhah. Damsyik: al-Maktabah al-Sya'biyyah.